



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK TENAGA BURUH, MALAYSIA, JUN 2025 DAN SUKU TAHUN KEDUA 2025

Kadar pengangguran Jun kekal 3.0 peratus, dengan bilangan penganggur menurun kepada 518.7 ribu orang

PUTRAJAYA, 11 OGOS 2025 – Kadar pengangguran Jun kekal 3.0 peratus, dengan bilangan penganggur menurun kepada 518.7 ribu orang, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Angka-angka tersebut diperincikan dalam siaran **Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Jun 2025 dan Suku Tahun Kedua 2025**. Laporan ini memberikan gambaran tentang penawaran buruh Malaysia, berdasarkan penemuan yang diperoleh melalui Survei Tenaga Buruh yang dilaksanakan oleh DOSM.

Mengulas prestasi keseluruhan bagi bulan Jun 2025, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Pasaran buruh Malaysia terus mempamerkan momentum pertumbuhan yang memberangsangkan pada Jun 2025 berikutan perkembangan positif ekonomi negara. Ini dicerminkan oleh peningkatan guna tenaga yang stabil dan penurunan berterusan dalam pengangguran. Justeru, tenaga buruh terus menunjukkan trend peningkatan pada Jun 2025, meningkat sebanyak 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 17.43 juta orang (Mei 2025: 17.38 juta orang). Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) pada Jun 2025 kekal 70.8 peratus, konsisten dengan kadar yang direkodkan pada Mei."

Selain itu, guna tenaga terus mencatatkan pertambahan pada Jun 2025, dengan bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.3 peratus kepada 16.92 juta orang (Mei 2025: 16.86 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur terus menurun sebanyak 0.7 peratus kepada 518.7 ribu orang pada bulan tersebut (Mei 2025: 522.4 ribu orang). Kadar pengangguran kekal tidak berubah iaitu pada paras 3.0 peratus bagi bulan ketiga berturut-turut, menunjukkan kestabilan pasaran buruh yang berterusan.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menjelaskan bahawa kategori pekerja kekal sebagai segmen terbesar dalam guna tenaga, merangkumi 75.0 peratus daripada jumlah penduduk bekerja. Kategori ini mengalami peningkatan sebanyak 0.2 peratus, mencecah seramai 12.69 juta orang pada Jun 2025 (Mei 2025: 12.66 juta orang). Begitu juga, bilangan penduduk bekerja sendiri terus meningkat dengan pertambahan sebanyak 0.6 peratus kepada 3.20 juta orang, naik daripada 3.18 juta orang pada bulan sebelumnya.

Mengulas lanjut mengenai guna tenaga mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan yang stabil dalam bilangan penduduk bekerja, terutamanya dalam aktiviti Perdagangan borong dan runcit; Penginapan dan perkhidmatan makanan & minuman; serta Maklumat & komunikasi. Begitu juga, bilangan penduduk bekerja dalam sektor Pembuatan, Pembinaan, Perlombongan & pengkuarian, dan Pertanian turut menunjukkan pertambahan pada bulan tersebut.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin juga menyatakan bahawa, daripada jumlah penganggur pada Jun 2025, 79.9 peratus merupakan penganggur aktif, atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan. Bilangan penganggur aktif menurun sebanyak 0.5 peratus, mencecah seramai 414.4 ribu orang (Mei 2025: 416.4 ribu orang). Dalam kumpulan ini, 64.5 peratus meliputi mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan, manakala 5.0 peratus merupakan mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun. Bilangan penganggur tidak aktif, atau mereka yang percaya bahawa tiada pekerjaan tersedia, turut berkurang sebanyak 1.6 peratus kepada 104.3 ribu orang berbanding bulan sebelumnya (Mei 2025: 106.0 ribu orang).

Pada Jun 2025, kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun tidak berubah iaitu pada 10.2 peratus, merekodkan 297.5 ribu penganggur belia (Mei 2025: 297.7 ribu orang). Dalam kalangan belia berumur 15 hingga 30 tahun, kadar pengangguran belia kekal pada 6.2 peratus, dengan 396.8 ribu penganggur belia berbanding 399.0 ribu orang pada bulan sebelumnya.

Bagi bilangan penduduk di luar tenaga buruh pada bulan Jun 2025, ianya menurun sedikit iaitu sebanyak 0.004 peratus, menjadikan jumlah seramai 7.18 juta orang (Mei 2025: 7.18 juta orang). Sebab utama bagi mereka yang berada di luar tenaga buruh adalah kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, merangkumi 43.7 peratus, diikuti oleh kategori bersekolah/ latihan iaitu pada 40.9 peratus.

Mengulas mengenai prestasi keseluruhan bagi suku tahun kedua 2025, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Tenaga buruh merekodkan peningkatan sebanyak 0.8 peratus kepada 17.37 juta orang pada suku tahun kedua 2025 (ST1 2025: 17.23 juta orang). KPTB meningkat sedikit iaitu sebanyak 0.1 mata peratus kepada 70.8 peratus berbanding 70.7 peratus pada suku sebelumnya. Selaras dengan trend ini, bilangan penduduk bekerja meningkat sebanyak 0.9 peratus kepada 16.85 juta

orang (ST1 2025: 16.70 juta orang). Sementara itu, bilangan penganggur menunjukkan penurunan sebanyak 1.0 peratus kepada 520.9 ribu orang (ST1 2025: 526.3 ribu orang). Kadar pengangguran pada suku tahun kedua 2025 berkurang sebanyak 0.1 mata peratus kepada 3.0 peratus berbanding suku tahun sebelumnya (ST1 2025: 3.1%).

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menyatakan bahawa bilangan mereka yang bekerja kurang daripada 30 jam seminggu mencatatkan penurunan sebanyak 0.7 peratus kepada 241.0 ribu orang pada suku tersebut (ST1 2025: 242.7 ribu orang). Selaras dengan itu, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu dan sedia untuk menerima tambahan jam bekerja atau diklasifikasikan sebagai guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, menurun sebanyak 4.0 peratus kepada 141.0 ribu orang, menyumbang kepada kadar tenaga tidak penuh berkaitan masa sebanyak 0.8 peratus (ST1 2025: 146.9 ribu orang; 0.9%). Sementara itu, guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, yang merujuk kepada mereka yang berpendidikan tertiar namun bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah, naik sebanyak 0.1 peratus kepada 1.96 juta orang, dengan 35.6 peratus kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran (ST1 2025: 1.95 juta orang; 35.7%).

Di peringkat negeri, kadar pengangguran terendah direkodkan di W. P. Putrajaya iaitu pada 1.4 peratus bagi suku tahun kedua 2025. Ini diikuti oleh negeri Pahang dengan 1.8 peratus, dan Selangor pada 1.9 peratus. Manakala, sebelas negeri mencatatkan peningkatan dalam KPTB, dengan KPTB tertinggi direkodkan di Selangor iaitu pada 78.0 peratus, diikuti oleh W. P. Putrajaya dengan 77.6 peratus dan W. P. Kuala Lumpur pada 75.5 peratus.

Mengakhiri kenyataan tersebut, pasaran buruh Malaysia dilihat akan berada dalam kedudukan yang stabil pada bulan-bulan yang akan datang berikutan permintaan domestik yang meningkat, produktiviti buruh yang lebih tinggi, peluang pekerjaan yang bertambah dan pelaburan yang berkembang luas, khususnya dalam sektor berteknologi dan pelaburan strategik. Walaupun terdapat cabaran seperti migrasi bakat, ketegangan perdagangan global dan inflasi, dasar kerajaan dan dasar ekonomi yang memfokuskan kepada digitalisasi, latihan teknikal, dan insentif pelaburan dijangka akan menyokong kesinambungan pertumbuhan jangka sederhana dan panjang dalam pasaran buruh.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan

oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Penduduk bekerja, Malaysia, Januari - Jun^r, Oktober^r - Disember 2024, dan Januari - Jun 2025




Carta 2: Pengangguran, Malaysia, Januari - Jun^r, Oktober^r - Disember 2024, dan Januari - Jun 2025




Carta 3: Luar tenaga buruh, Malaysia, Januari - Jun^r, Oktober^r - Disember 2024, dan Januari - Jun 2025



Carta 4: Pengangguran, Malaysia, ST1 2024 - ST2 2025




Carta 5: Penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu, ST1 2024 - ST2 2025




$$\text{Kadar penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu} = \frac{\text{Penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$

Carta 6: Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa, ST1 2024 - ST2 2025



$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa}}{\text{Bilangan penduduk bekerja}}$$

Carta 7: Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran, ST1 2024 - ST2 2025



$$\text{Kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran} = \frac{\text{Bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran}}{\text{Bilangan penduduk bekerja berpendidikan tertiar}}$$

Nota:

1. Indikator Survei Tenaga Buruh bagi Januari 2024 dan suku tahun pertama 2024 dan seterusnya dianggarkan berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
2. 「 Pelarasan semula berdasarkan anggaran penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020
3. Bermula suku tahun pertama 2024, Statistik Tenaga Buruh dianggar berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
11 OGOS 2025